




KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



BANCI 2024 PERTANIAN

LAPORAN INTERIM KENAF





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN INTERIM BANCI PERTANIAN 2024

KENAF

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



Diterbitkan dan dicetak oleh:
Jabatan Perangkaan Malaysia
Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan, 62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook/ X/ Instagram/ YouTube : StatsMalaysia
E-mel : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Harga : RM60.00

Diterbitkan pada Mei 2025

Hakcipta terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISBN 978-967-253-927-8

KATA PENGANTAR

Laporan Interim Banci Pertanian 2024: Kenaf membentangkan parameter kenaf di Malaysia bagi tahun rujukan 2023. Penerbitan ini mengandungi maklumat profil pegangan pertanian meliputi individu dan pertubuhan serta penemuan parameter banci bagi tanaman kenaf.

Penyusunan parameter ini merujuk kepada manual *World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020* bagi tempoh 2016 hingga 2025 yang menyarankan negara supaya melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sepuluh tahun. Malaysia merupakan antara negara yang melaksanakan Banci Pertanian pada tahun 2024 bagi tahun rujukan 2023.

Dalam menghasilkan profil dan parameter pertanian melalui pelaksanaan Banci Pertanian 2024, kerjasama strategik antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan pemegang taruh iaitu Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan, Kementerian Perladangan & Komoditi, Kementerian Sumber Asli & Kelestarian Alam dan Kerajaan Negeri telah terjalin erat bagi menjamin integriti data.

Penerbitan ini memaparkan ringkasan penemuan keseluruhan pengeluaran kenaf dan jadual parameter terperinci merangkumi keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan & nilai jualan. Manakala, nota teknikal menerangkan konsep & definisi dan kata singkatan bagi memudahkan pengguna memahami parameter yang diterbitkan.

Semoga parameter dalam penerbitan ini dapat dimanfaatkan oleh agensi kerajaan untuk tujuan perancangan dan penggubalan dasar, pemantauan serta penilaian keberkesanan program pembangunan pertanian negara. Sementara itu, ahli ekonomi, ahli akademik dan individu boleh menggunakan parameter ini dalam analisis serta penyelidikan sosial dan ekonomi.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

merangkap Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024

Mei 2025

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong




BANCI PERTANIAN 2024

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

BANCI PERTANIAN 2024

Banci Pertanian 2024 merupakan banci keempat dilaksanakan sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan banci ini adalah sejajar dengan manual *World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020* yang menyarankan setiap negara ahli melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh 2016 hingga 2025. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 November 2023 telah bersetuju supaya Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di bawah Kementerian Ekonomi melaksanakan Banci Pertanian 2024. Tadbir urus Banci Pertanian 2024 terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Jawatankuasa Utama Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia selaku Pesuruhjaya Banci serta melibatkan pelbagai agensi pelaksana di peringkat persekutuan dan negeri iaitu Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya dan Penguasa Daerah. Selain itu hampir tujuh ribu orang terdiri daripada Penyelia dan Pembanci telah dilantik bagi sepanjang tempoh pelaksanaan banci.



Ahli Jawatankuasa Pemandu Banci

Pengerusi : Ketua Setiausaha Negara

Pengerusi Ganti : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam

Ahli:


- Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan
- Ketua Setiausaha Kementerian Perladangan dan Komoditi
- Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi
- Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri
- Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan
- Ketua Perangkawan Malaysia
- Setiausaha Kerajaan Negeri

Operasi Banci Pertanian 2024 telah bermula pada 7 Julai 2024 dan tamat pada 31 Oktober 2024. Banci ini telah melalui proses transformasi dengan penggunaan ICT yang terkini bagi aktiviti pembancian melalui sistem MyAgriCensus.

Outcome Banci Pertanian 2024 akan memberi tumpuan kepada agenda nasional dan menjadi penanda aras baharu bagi sektor pertanian negara. Maklumat yang berintegriti dan *reliable* digunakan sebagai input dalam membuat keputusan berasaskan bukti untuk perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian *blueprint* pembangunan negara. Satu platform khas iaitu Sistem Integrasi Digital Pangkalan Data Pertanian Bersepadu, TaniStats telah dibangunkan untuk menyediakan data di hujung jari yang dapat memenuhi keperluan pemegang taruh dalam perancangan pembangunan sosio ekonomi. Secara tidak langsung, ia dapat merapatkan jurang digital dalam capaian sumber data yang pelbagai dan kompleks. TaniStats akan mengintegrasikan data pertanian daripada pelbagai sumber dan platform ini menyokong pembangunan dasar yang berasaskan data (*data-driven policy*), mempercepat proses analisis trend dan impak. Ia juga membolehkan perancangan yang lebih bersasar dan responsif terhadap isu semasa. Secara keseluruhan, platform ini menyumbang ke arah tadbir urus sektor pertanian yang lebih strategik, telus dan berimpak tinggi. Platform ini menyebarkan maklumat berkaitan penemuan utama Banci Pertanian 2024, serta pelbagai informasi sokongan lain yang relevan. Halaman utama portal TaniStats ini merangkumi:

- a) Penerangan ringkas mengenai maksud dan fungsi utama TaniStats sebagai sistem bersepadu untuk statistik sektor pertanian;
- b) Rasional dan keperluan pembangunan sistem ini dalam menyokong perancangan dan pemantauan sektor pertanian negara;
- c) Kepentingan sistem ini dalam menyediakan data yang tepat, pantas dan bersepadu untuk pelbagai pihak; dan
- d) Peranan TaniStats dalam memperkukuh dasar, memacu pertumbuhan sektor agromakanan, serta menyokong pembangunan mampan negara.

TaniStats juga mengandungi MyAgroPrice iaitu satu platform interaktif yang memaparkan maklumat terkini harga produk pertanian terpilih dengan liputan siri masa secara bulanan dari tahun 2020 hingga 2024. Papan pemuka ini memaparkan perubahan harga di peringkat rantaian edaran produk pertanian iaitu harga Ladang, Borong dan Runcit mengikut negeri. MyAgroPrice merupakan inovasi yang memberikan maklumat paras dan perubahan harga produk pertanian terpilih yang boleh dimanfaatkan oleh pengguna bagi keputusan kepenggunaan.



Keberhasilan utama banci ini juga adalah berkaitan pengukuhan statistik pertanian. Banci Pertanian kini akan dilaksanakan setiap 10 tahun secara berkala bagi memastikan ketersediaan data baseline yang kemaskini, selari dengan keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Bagi memperkukuhkan ketersediaan data pertanian, survei pertanian jangka pendek akan dilaksanakan secara berkala mulai 2026.

Selain itu, penerbitan Indikator Keterjaminan Makanan secara tahunan, Indeks Pengeluaran Pertanian secara suku tahunan dan Indeks Keterjaminan Makanan akan diterbitkan bagi sumber rujukan dalam merangka hala tuju sektor pertanian negara.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

The background of the page is a photograph of green, serrated leaves, likely from a plant like Hibiscus. A dark green banner with rounded corners is positioned horizontally across the middle of the image. The banner has a white border and contains the word 'KANDUNGAN' in white, bold, uppercase letters.

KANDUNGAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

KANDUNGAN

	Muka Surat
Kata Pengantar	i
Banci Pertanian 2024	iii
Kandungan	ix
Ringkasan Penemuan	15
Jadual Statistik	61
Nota Teknikal	190
Penghargaan	208
Lampiran	211

Jadual	Senarai Jadual	Muka surat
Jadual 1.0	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kenaf mengikut Negeri, Malaysia, 2023	63
Jadual 1.1	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kenaf mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	64
Jadual 2.0	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kenaf mengikut Negeri dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	71
Jadual 2.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kenaf mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	72
Jadual 2.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kenaf mengikut Negeri dan Jantina, Malaysia, 2023	79
Jadual 2.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kenaf mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Malaysia, 2023	80
Jadual 2.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kenaf mengikut Negeri dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	87
Jadual 2.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kenaf mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	88
Jadual 2.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kenaf mengikut Negeri dan Etnik, Malaysia, 2023	98
Jadual 2.7	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kenaf mengikut Daerah Pentadbiran dan Etnik, Malaysia, 2023	99
Jadual 2.8	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kenaf mengikut Negeri dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	107
Jadual 2.9	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kenaf mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	108
Jadual 2.10	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kenaf mengikut Negeri dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	118
Jadual 2.11	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Kenaf mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	121
Jadual 3.0	Parameter Utama bagi Tanaman Kenaf mengikut Negeri, Malaysia, 2023	151

Jadual	Senarai Jadual	Muka surat
Jadual 3.1	Keluasan Bertanam bagi Tanaman Kenaf mengikut Negeri, Malaysia, 2023	152
Jadual 3.2	Keluasan Bertanam bagi Tanaman Kenaf mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	153
Jadual 3.3	Keluasan Bertuai bagi Tanaman Kenaf mengikut Negeri, Malaysia, 2023	161
Jadual 3.4	Keluasan Bertuai bagi Tanaman Kenaf mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	162
Jadual 3.5	Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Kenaf mengikut Negeri, Malaysia, 2023	167
Jadual 3.6	Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Kenaf mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	168
Jadual 3.7	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Tanaman Kenaf mengikut Negeri, Malaysia, 2023	177
Jadual 3.8	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Tanaman Kenaf mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	178
Jadual 4.0	Nilai Jualan (RM/ Tan Metrik) dan Pendapatan Kasar (RM/ Hektar) Tanaman Kenaf	188

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong


The background of the slide features a close-up photograph of several green, serrated leaves, likely from a plant like Hibiscus. The leaves are vibrant green and have a distinct vein pattern. A central text box is overlaid on the image, containing the title. The text box is dark green with rounded corners and a white border. The text is white and bold. The overall design is clean and professional, with a focus on natural elements.

RINGKASAN PENEMUAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PROFIL PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU TANAMAN KENAF, MALAYSIA, 2023



WARGANEGARA



862
INDIVIDU
100%



Jantina





Kumpulan Umur




Taraf Perkahwinan



Kumpulan Etnik



Sijil Tertinggi Diperoleh



Sumber : Banci Pertanian 2024





PARAMETER UTAMA TANAMAN KENAF, MALAYSIA, 2023

PEGANGAN PERTANIAN



**KELUASAN BERTANAM
(HEKTAR)**

1,496.9



**KUANTITI PENGELUARAN
(TAN METRIK)**

9,916.1



NILAI JUALAN (RM)

4,867,902.22



**KELUASAN BERTUAI
(HEKTAR)**

1,472.4



**KUANTITI JUALAN
(TAN METRIK)**

6,000.0

PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU



**KELUASAN BERTANAM
(HEKTAR)**

1,299.3



**KUANTITI PENGELUARAN
(TAN METRIK)**

9,696.5



NILAI JUALAN (RM)

4,123,285.22



**KELUASAN BERTUAI
(HEKTAR)**

1,274.8



**KUANTITI JUALAN
(TAN METRIK)**

5,784.5

PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN



**KELUASAN BERTANAM
(HEKTAR)**

197.6




**KUANTITI PENGELUARAN
(TAN METRIK)**

219.5



NILAI JUALAN (RM)

744,617.00



**KELUASAN BERTUAI
(HEKTAR)**

197.6



**KUANTITI JUALAN
(TAN METRIK)**


215.5

Nota: 👤 Individu 🏢 Pertubuhan
Sumber : Banci Pertanian 2024





10 NEGARA PENGELUAR KENAF TERTINGGI DUNIA, 2023



Sumber: Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO)



PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Penduduk (juta)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024 ^P
Malaysia	30.7	31.2	31.6	32.0	32.4	32.5	32.4	32.6	32.7	33.4	34.1
Johor	3.6	3.6	3.7	3.7	3.7	3.8	4.0	4.0	4.0	4.1	4.2
Kedah	2.1	2.1	2.1	2.1	2.2	2.2	2.1	2.2	2.2	2.2	2.2
Kelantan	1.7	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9
Melaka	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	1.0	1.0	1.0	1.0	1.0
Negeri Sembilan	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2
Pahang	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7	1.7	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7
Perak	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.6
Perlis	0.2	0.2	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3
Pulau Pinang	1.7	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8
Sabah	3.7	3.7	3.8	3.9	3.9	3.9	3.4	3.4	3.4	3.6	3.7
Sarawak	2.7	2.7	2.7	2.8	2.8	2.8	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5
Selangor	6.1	6.2	6.3	6.4	6.5	6.5	7.0	7.1	7.0	7.2	7.4
Terengganu	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2
W.P. Kuala Lumpur	1.7	1.8	1.8	1.8	1.8	1.8	2.0	2.0	2.0	2.0	2.1
W.P. Labuan	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
W.P. Putrajaya	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1

Negeri	Nisbah Jantina										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 ^P	2024 ^e
Malaysia	107	108	108	108	108	108	110	109	109	110	111
Johor	113	113	113	113	113	112	115	114	113	114	116
Kedah	103	103	103	103	103	103	104	104	104	104	104
Kelantan	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101
Melaka	104	105	105	106	106	107	111	111	110	111	113
Negeri Sembilan	109	109	109	109	109	109	108	108	107	108	108
Pahang	114	114	114	114	114	113	113	112	112	113	114
Perak	104	104	104	104	104	104	109	108	108	109	110
Perlis	98	98	99	99	99	99	100	100	100	100	99
Pulau Pinang	103	103	104	104	105	105	105	105	105	105	105
Sabah	110	110	110	110	110	110	109	109	109	109	109
Sarawak	108	109	109	109	109	109	107	107	107	107	107
Selangor	109	109	109	108	108	108	113	112	112	113	115
Terengganu	104	104	104	103	104	103	105	105	105	105	106
W.P. Kuala Lumpur	107	108	109	109	110	110	115	114	113	115	117
W.P. Labuan	105	105	105	105	105	105	106	105	105	105	105
W.P. Putrajaya	91	92	93	93	94	94	96	97	97	97	98

Negeri	Struktur Umur											
	2021			2022			2023			2024 ^e		
	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun
Malaysia	7,684.8	22,601.3	2,290.2	7,579.7	22,754.7	2,363.7	7,569.2	23,347.4	2,485.2	7,554.2	23,894.3	2,610.2
Johor	949.3	2,812.1	258.6	930.9	2,827.4	270.0	914.2	2,904.3	288.8	911.0	2,965.8	309.4
Kedah	536.5	1,436.0	179.1	533.5	1,444.6	185.0	535.0	1,461.5	192.8	534.0	1,482.1	201.4
Kelantan	538.9	1,153.6	119.8	539.0	1,168.9	122.7	536.6	1,195.5	127.7	534.3	1,221.3	132.9
Melaka	234.1	705.3	65.1	234.9	706.7	66.9	234.8	724.4	69.1	233.7	742.5	70.9
Negeri Sembilan	300.9	817.3	86.0	299.4	820.2	88.3	296.5	836.7	91.7	294.8	850.4	94.9
Pahang	418.3	1,079.2	104.0	411.4	1,096.0	106.9	405.8	1,127.3	110.1	398.6	1,156.5	113.1
Perak	573.9	1,707.7	234.2	564.8	1,710.0	239.7	554.1	1,740.0	247.2	545.2	1,769.9	254.5
Perlis	57.3	207.3	23.0	57.6	208.8	23.4	57.3	211.9	23.9	58.0	214.4	24.4
Pulau Pinang	342.9	1,274.5	122.6	336.7	1,275.8	128.5	337.4	1,299.2	136.1	336.7	1,319.7	144.0
Sabah	882.8	2,334.1	195.7	855.9	2,357.6	201.5	878.0	2,502.0	216.8	889.5	2,621.5	231.3
Sarawak	532.5	1,740.0	193.1	521.3	1,753.7	198.5	513.6	1,780.3	208.4	507.2	1,793.1	217.8
Selangor	1,531.6	4,978.7	504.5	1,516.7	5,008.8	524.9	1,532.2	5,119.9	557.6	1,540.8	5,229.0	593.5
Terengganu	333.7	770.0	67.0	336.8	781.1	68.7	340.2	798.1	71.8	343.5	813.8	74.8
W.P. Kuala Lumpur	382.9	1,449.7	131.4	371.6	1,457.0	132.6	364.6	1,504.5	136.6	359.1	1,568.7	139.7
W.P. Labuan	26.0	65.8	4.3	26.0	66.3	4.6	26.2	68.0	4.9	26.2	69.5	5.2
W.P. Putrajaya	43.3	70.3	1.7	43.4	71.8	1.9	42.9	73.9	2.1	41.8	76.2	2.3

Nota:

Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berasaskan Banci 2010 dan akan disemak semula

PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Kadar Kelahiran Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	17.8	16.7	17.2	16.7	16.1	15.9	15.5	15.1	14.5	13.5	12.9
Johor	17.5	16.5	17.0	16.8	16.3	16.5	16.3	16.0	14.2	12.4	12.0
Kedah	18.2	17.2	17.7	17.5	17.0	17.1	16.5	15.9	15.9	15.4	14.2
Kelantan	22.4	21.6	22.8	22.2	21.4	21.4	20.6	19.6	20.2	19.2	18.5
Melaka	16.9	16.0	16.7	16.4	16.0	15.8	15.6	15.2	13.9	13.1	13.0
Negeri Sembilan	16.9	16.3	17.3	16.9	16.4	16.2	16.2	15.5	14.3	13.9	13.2
Pahang	17.7	17.2	18.1	17.5	17.0	16.7	16.2	15.5	15.9	15.3	14.6
Perak	15.5	14.5	14.9	14.7	14.4	14.0	13.5	13.2	12.7	12.2	11.7
Perlis	17.3	16.7	18.4	17.4	17.5	17.6	17.2	16.0	14.4	14.2	12.9
Pulau Pinang	14.7	12.9	13.6	13.1	12.7	12.3	11.7	11.4	11.3	10.7	10.2
Sabah	16.9	15.7	15.6	14.7	13.7	13.6	13.6	13.6	14.5	12.2	12.8
Sarawak	16.8	15.3	15.4	14.7	13.9	13.6	13.1	13.1	14.4	12.7	12.5
Selangor	18.9	17.5	18.0	17.5	16.6	16.3	15.8	15.2	13.4	12.8	11.9
Terengganu	23.5	22.9	23.7	23.8	23.3	23.1	23.0	21.8	23.6	22.5	21.3
W.P. Kuala Lumpur	15.9	14.7	15.6	14.5	14.4	13.8	13.5	13.4	11.7	10.7	10.1
W.P. Labuan	19.6	19.1	19.9	20.5	18.1	17.3	17.1	16.9	18.0	15.9	14.2
W.P. Putrajaya	40.2	37.3	37.9	34.6	30.4	28.8	24.7	22.3	19.6	18.3	15.7

Negeri	Kadar Kematian Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	4.7	4.7	4.9	5.0	5.1	5.3	5.3	5.4	5.1	6.9	6.3
Johor	5.0	5.1	5.0	5.2	5.5	5.6	5.6	5.8	5.1	6.7	6.3
Kedah	6.1	6.1	6.3	6.5	6.5	6.7	6.7	6.6	6.4	8.6	8.1
Kelantan	6.0	6.0	6.1	6.1	6.0	6.1	6.1	6.1	6.1	7.7	7.3
Melaka	5.4	5.5	5.4	5.6	5.8	6.0	5.9	6.0	5.5	7.1	6.6
Negeri Sembilan	5.6	5.8	5.9	6.1	6.2	6.4	6.5	6.4	5.8	7.6	7.1
Pahang	5.0	5.2	5.2	5.3	5.5	5.6	5.6	5.5	5.5	6.5	6.8
Perak	6.8	6.7	6.9	7.0	7.2	7.2	7.4	7.5	7.2	8.5	8.9
Perlis	6.9	7.2	6.8	7.1	7.5	8.0	8.1	7.9	6.8	7.8	8.4
Pulau Pinang	5.6	5.7	5.8	6.0	6.2	6.2	6.4	6.2	6.1	8.0	7.4
Sabah	2.3	2.3	3.3	3.4	3.4	3.6	3.6	3.8	4.3	5.5	5.1
Sarawak	4.4	4.3	4.4	4.5	4.6	4.7	5.0	5.0	5.8	7.1	6.7
Selangor	3.7	3.7	3.7	3.9	4.1	4.2	4.2	4.3	3.6	6.0	4.7
Terengganu	5.6	5.8	5.7	5.8	5.8	5.8	5.8	5.9	5.9	7.2	7.3
W.P. Kuala Lumpur	4.1	4.2	4.4	4.3	4.5	4.6	4.7	5.0	4.2	6.8	5.1
W.P. Labuan	2.7	2.7	2.9	2.6	2.9	2.5	2.9	3.0	3.4	5.4	4.0
W.P. Putrajaya	1.8	2.1	2.4	2.3	1.9	2.6	2.2	2.0	1.9	2.3	2.2

Negeri	Jangkaan Hayat Ketika Lahir (Lelaki & Perempuan)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 ^p	2024 ^e
Malaysia	74.5	74.6	74.4	74.4	74.6	74.8	74.7	74.0	73.8	74.0	75.2
Johor	74.3	74.3	74.2	74.1	74.3	74.4	74.3	73.6	73.5	73.8	74.9
Kedah	73.1	73.1	72.9	73.0	73.1	73.4	73.1	72.2	71.7	71.7	73.0
Kelantan	71.9	72.0	72.0	72.2	72.4	72.6	72.2	71.6	71.4	71.8	73.2
Melaka	74.5	74.6	74.5	74.5	74.7	74.9	74.0	73.1	73.0	73.2	74.3
Negeri Sembilan	73.5	73.6	73.4	73.4	73.5	73.8	73.3	73.1	72.9	73.1	74.0
Pahang	73.1	73.2	73.3	73.4	73.6	73.9	72.9	72.6	72.4	72.3	73.1
Perak	74.0	74.0	74.0	73.9	74.0	74.2	73.7	73.3	73.0	72.9	73.8
Perlis	73.0	73.0	72.4	72.0	72.0	72.0	72.8	72.4	72.3	72.4	73.5
Pulau Pinang	74.8	74.8	74.8	74.9	75.2	75.5	74.2	73.7	73.5	73.7	74.7
Sabah	73.5	73.8	74.2	74.2	74.2	74.2	74.3	73.4	73.1	73.8	75.1
Sarawak	76.3	76.3	76.3	76.2	76.4	76.3	75.1	74.5	74.3	74.5	75.2
Selangor	75.1	75.1	75.1	75.1	75.4	75.7	77.4	76.4	76.2	76.5	78.0
Terengganu	71.3	71.4	71.6	71.8	72.1	72.2	71.7	71.3	71.0	71.1	72.2
W.P. Kuala Lumpur	76.1	76.2	76.6	76.5	76.7	76.9	76.4	75.1	75.1	75.3	76.2
W.P. Labuan	76.1	76.3	77.4	77.3	77.6	77.6	75.4	74.5	74.4	76.2	77.8
W.P. Putrajaya	71.7	72.1	72.3	72.2	73.3	73.8	74.5	74.6	74.2	74.0	74.5

- Nota:**
i. - Tiada kes
ii. Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berasaskan Banci 2010 dan akan disemak semula

1.0 PENGENALAN

Laporan ini membentangkan parameter utama tanaman kenaf berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan interim ini meliputi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti tanaman kenaf untuk tujuan jualan. Pegangan pertanian bagi aktiviti tanaman kenaf merujuk kepada lokasi di mana individu dan pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti kenaf tinggal atau berada. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan mengikut negeri dan daerah. Maklumat bagi keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan adalah merujuk kepada lokasi di mana aktiviti tanaman kenaf dijalankan. Dari segi liputan Banci Pertanian 2024 adalah merujuk kepada pegangan pertanian yang menjalankan aktiviti tanaman kenaf pada tahun 2023 dan bergiat pada tahun 2024.

2.0 LATAR BELAKANG

Kenaf atau nama saintifiknya *hibiscus cannabinus L.* ialah sejenis tanaman jangka pendek musim panas yang berserat, bukan berkayu dan berasal dari Afrika dengan sejarahnya melebihi 4,000 tahun (Webber & Bledsoe, 2002). Menurut Mahmud et al. (2016), tanaman kenaf tergolong dalam keluarga *hibiscus* yang mempunyai persamaan dengan tanaman bendi dan kapas selain mempunyai kaitan rapat dengan tanaman rosel (*hibiscus sabdariffa*). Kenaf dikenali sebagai tanaman yang cepat tumbuh kerana mampu beradaptasi dalam pelbagai jenis tanah. Namun, kenaf tumbuh lebih baik di tanah loam berpasir dengan saliran yang baik dan memerlukan iklim yang panas dan lembap (Monti & Alexopoulou, 2013). Dengan daya tahan yang kuat terhadap persekitaran tropika, pokok kenaf dapat menghasilkan makanan dan serat yang tinggi dan sering digunakan sebagai pengganti rami dalam pelbagai aplikasi industri (Mohd Jani et al., 2018).

Selain itu, kenaf juga dijadikan makanan ternakan bermutu kerana ia mengandungi protein kasar sebanyak 21 hingga 34 peratus di dalam daunnya, 10 hingga 12 peratus di dalam batang dan 16 hingga 23 peratus dalam keseluruhan pokok (LKTN, 2022). Manakala, Zakaria et al. (2020) menyatakan batang kenaf yang telah diproses menghasilkan 25 hingga 30 peratus serat panjang daripada bahagian kulit luar batang (*bast*) dan 70 hingga 75 peratus serat pendek dari bahagian dalam batang (*core*).

Sebagai alternatif kepada tanaman tembakau, kenaf mula diperkenalkan secara komersial melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) pada tahun 2010. Aktiviti tanaman kenaf di Malaysia kini giat dibangunkan sebagai salah satu sumber penghasilan produk mesra alam (*green product*) seperti produk biokomposit,

biodegradable utensil (BDU), panel, *bedding* dan makanan ternakan serta menjadi sumber pendapatan baharu bagi pekebun kecil (KPK, 2023).

Paparan 1: Pokok kenaf



Paparan 2: Pokok kenaf berbunga



Kenaf terbahagi kepada dua kumpulan iaitu varieti awal dan akhir kematangan mengikut reaksi pokok terhadap pembungaan. Kebanyakan kultivar kenaf sensitif terhadap cahaya dan sebahagian lain pula tidak berbunga sepanjang hari (Monti & Alexopoulou, 2013). Menurut Mohd Jani et al. (2018), varieti pokok kenaf yang lambat matang menghasilkan serat yang lebih tinggi berbanding varieti yang matang awal hingga sederhana. Di Malaysia, varieti pokok kenaf matang mempunyai kitaran pertumbuhan sekitar 120 hingga 150 hari (LKTN, 2022).

Terdapat beberapa faktor dalam pemilihan dan penyaringan varieti kenaf antaranya seperti tindak balas terhadap cahaya, tempoh kematangan, rintangan terhadap perosak dan penyakit serta jumlah hasil serat batang sehektar (Zakaria et al., 2020). Kenaf yang ditanam secara komersial di Malaysia untuk pengeluaran serat dan biji benih merupakan kenaf varieti V36.


3.0 PARAMETER TANAMAN KENAF

3.1 PROFIL TANAMAN KENAF

3.1.1 Malaysia

Statistik tanaman kenaf pada tahun 2023 merekodkan 866 pegangan pertanian. Pegangan pertanian individu adalah penyumbang terbesar iaitu 862 orang manakala pertubuhan merekodkan empat pertubuhan perniagaan.

Paparan 3: Bilangan Pegangan Pertanian Tanaman Kenaf mengikut Negeri, Malaysia, 2023




- *Nota:
- i) Peta tidak mengikut skala sebenar
 - ii) Bilangan pegangan pertanian tanaman kenaf adalah merujuk kepada lokasi tempat kediaman/ pertubuhan.

3.1.1.1 Individu

Individu yang terlibat dalam aktiviti tanaman kenaf pada tahun 2023 adalah seramai 862 orang. Terdapat 551 orang lelaki (63.9 peratus) dan 311 orang perempuan (36.1 peratus) yang mengusahakan tanaman kenaf.

Paparan 4: Bilangan Pegangan Pertanian Individu Tanaman Kenaf, Malaysia, 2023



Etnik Bumiputera mewakili kumpulan terbesar bagi pegangan pertanian individu tanaman kenaf dengan sumbangan sebanyak 98.1 peratus (846 orang). Dari segi profil demografi mengikut taraf perkahwinan, pegangan pertanian individu yang telah berkahwin merupakan kumpulan dominan merangkumi 65.9 peratus (568 orang). Pegangan pertanian individu tertinggi dalam kalangan kumpulan umur 46 hingga 59 tahun mewakili 32.0 peratus (276 orang), diikuti oleh kumpulan berumur 31 hingga 45 tahun sebanyak 30.6 peratus (264 orang).

3.1.1.2 Pertubuhan

Pertubuhan yang menjalankan aktiviti tanaman kenaf pada tahun 2023 adalah empat pertubuhan iaitu dua pertubuhan di Pahang dan masing-masing satu pertubuhan di Kedah dan Perlis.

Paparan 5: Bilangan Pegangan Pertanian Pertubuhan Tanaman Kenaf, Malaysia, 2023




*Nota: Bilangan pegangan pertanian tanaman kenaf adalah merujuk kepada lokasi pertubuhan.

3.1.2 Negeri

Berdasarkan Banci Pertanian 2024, tiga negeri dengan bilangan pegangan pertanian tertinggi adalah Pahang, Terengganu dan Perlis. Pahang mempunyai bilangan pegangan pertanian tanaman kenaf yang terbesar dengan sumbangan berjumlah 55.5 peratus (480 pegangan pertanian) diikuti Terengganu 14.6 peratus (126 pegangan pertanian) dan Perlis 9.5 peratus (83 pegangan pertanian). Ketiga-tiga negeri menyumbang 79.6 peratus daripada keseluruhan individu yang terlibat dalam aktiviti pertanian kenaf.

Paparan 6: Pegangan Pertanian Tanaman Kenaf mengikut Negeri, Malaysia, 2023




*Nota: Bilangan pegangan pertanian tanaman kenaf adalah merujuk kepada lokasi tempat kediaman/pertubuhan.

3.1.3 Daerah Pentadbiran

Trend ini juga sama di peringkat daerah di mana Pekan, Pahang mencatatkan bilangan pegangan pertanian kenaf tertinggi diikuti Setiu dan Besut, Terengganu. Namun, daerah Pekan, Pahang dan Kubang Pasu serta Padang Terap, Kedah merupakan antara daerah yang mencatatkan keluasan bertanam kenaf yang tertinggi.

Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Kenaf mengikut Negeri, Malaysia, 2023




*Nota: Bilangan pegangan pertanian tanaman kenaf adalah merujuk kepada lokasi tempat kediaman.

3.2 PARAMETER UTAMA TANAMAN KENAF

3.2.1 Keseluruhan

Pegangan pertanian tanaman kenaf di Malaysia pada tahun 2023 adalah seramai 866 pegangan pertanian (merangkumi individu dan pertubuhan) dengan keluasan bertanam berjumlah 1,496.9 hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan tanah bagi tuaian kenaf adalah seluas 1,472.4 hektar. Manakala kuantiti jualan kenaf mencatatkan 6,000.0 tan metrik dengan menghasilkan RM4,867,902.22 nilai jualan.


Paparan 8: Statistik Pegangan Pertanian Tanaman Kenaf, Malaysia, 2023



3.2.2 Individu

Pegangan pertanian individu tanaman kenaf di Malaysia pada tahun 2023 adalah seramai 862 orang dengan keluasan bertanam berjumlah 1,299.3 hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan tanah bagi tuaian kenaf adalah seluas 1,274.8 hektar. Manakala kuantiti jualan kenaf mencatatkan 5,784.5 tan metrik dengan menghasilkan RM4,123,285.22 nilai jualan.

Paparan 9: Statistik Pegangan Pertanian Individu Tanaman Kenaf, Malaysia, 2023



3.2.3 Pertubuhan

Terdapat empat pertubuhan beroperasi dan terlibat dengan aktiviti tanaman kenaf di Malaysia pada tahun 2023. Jumlah keluasan tanah yang digunakan untuk menjalankan aktiviti tanaman kenaf adalah 197.6 hektar dengan kuantiti jualan 215.5 tan metrik dan nilai jualan RM744,617.00.

Paparan 10: Statistik Pegangan Pertanian Pertubuhan Tanaman Kenaf, Malaysia, 2023




3.3 KELUASAN BERTANAM TANAMAN KENAF

3.3.1 Malaysia

Secara keseluruhan, keluasan bertanam bagi tanaman kenaf pada tahun 2023 direkodkan seluas 1,496.9 hektar. Pegangan pertanian individu mencatatkan 1,299.3 hektar (86.8%) manakala pegangan pertanian pertubuhan seluas 197.6 hektar (13.2%).


Carta 1: Keluasan Bertanam Pegangan Pertanian Tanaman Kenaf, Malaysia, 2023



3.3.2 Negeri

Keluasan bertanam kenaf didominasi oleh Pahang dengan keluasan 593.7 hektar, diikuti dengan Perlis seluas 347.5 hektar dan Kedah seluas 217.5 hektar sepertimana di Paparan 7 yang menunjukkan keluasan bertanam kenaf bagi lima negeri tertinggi. Manakala Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Selangor, Sabah, Sarawak, W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan, dan W.P. Putrajaya adalah negeri yang tidak menjalankan aktiviti tanaman kenaf.


Paparan 11: Keluasan Bertanam Pegangan Pertanian Tanaman Kenaf bagi Lima Negeri Teratas, Malaysia, 2023



3.3.3 Daerah Pentadbiran

Tiga daerah yang mempunyai keluasan bertanam terbesar ialah Pekan, Pahang seluas 548.7 hektar atau 36.7 peratus. Ini diikuti Kubang Pasu dan Padang Terap, Kedah di mana masing-masing 124.2 hektar (8.3%) dan 83.8 hektar (5.6%).

Paparan 12: Keluasan Bertanam Pegangan Pertanian Tanaman Kenaf bagi Tiga Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia, 2023




*Nota: Bilangan pegangan pertanian tanaman kenaf adalah merujuk kepada lokasi ladang.

3.4 KELUASAN BERTUAI TANAMAN KENAF

3.4.1 Malaysia

Secara keseluruhan, keluasan bertuai bagi tanaman kenaf pada tahun 2023 direkodkan seluas 1,472.4 hektar. Pegangan pertanian individu mencatatkan 1,274.8 hektar (86.6%) manakala pegangan pertanian pertubuhan seluas 197.6 hektar (13.4%).


Carta 2: Keluasan Bertanam Pegangan Pertanian Tanaman Kenaf, Malaysia, 2023



3.4.2 Negeri

Keluasan bertuai kenaf didominasi oleh Pahang dengan keluasan 593.6 hektar, diikuti Perlis seluas 337.7 hektar dan Kedah seluas 217.5 hektar.


Paparan 13: Keluasan Bertuai Pegangan Pertanian Tanaman Kenaf bagi Lima Negeri Teratas, Malaysia, 2023



3.4.3 Daerah Pentadbiran

Tiga daerah yang mempunyai keluasan bertanam terbesar ialah Pekan, Pahang seluas 548.6 hektar atau 37.3 peratus. Ini diikuti Kubang Pasu dan Padang Terap, Kedah di mana masing-masing 124.2 hektar (8.4%) dan 83.8 hektar (5.7%).

Paparan 14: Keluasan Bertuai Pegangan Pertanian Tanaman Kenaf bagi Tiga Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia, 2023



3.5 KUANTITI PENGELUARAN TANAMAN KENAF

3.5.1 Malaysia

Tahun 2023 merekodkan kuantiti pengeluaran kenaf adalah berjumlah 9,916.1 tan metrik. Sumbangan pegangan pertanian individu berjumlah 9,696.5 tan metrik, manakala pegangan pertanian pertubuhan pula berjumlah 219.5 tan metrik.

Paparan 15: Kuantiti Pengeluaran Pegangan Pertanian Tanaman Kenaf, Malaysia, 2023



3.5.2 Negeri

Secara keseluruhan, Pahang merekodkan kuantiti jualan teratas dengan mencatatkan 5,224.2 tan metrik, diikuti Terengganu (1,594.4 tan metrik) dan Kelantan (1,211.2 tan metrik). Sumbangan kuantiti pengeluaran di Pahang adalah 52.7 peratus daripada keseluruhan kuantiti pengeluaran kenaf.


Paparan 16: Kuantiti Pengeluaran Tanaman Kenaf bagi Lima Negeri Teratas, Malaysia, 2023



3.5.3 Daerah Pentadbiran

Tiga daerah yang merekodkan kuantiti jualan teratas adalah Pekan, Pahang (5,098.9 tan metrik), Setiu, Terengganu (694.8 tan metrik) dan Padang Terap, Kedah (643.0 tan metrik). Sumbangan kuantiti pengeluaran di Pekan, Pahang adalah 51.4 peratus daripada keseluruhan kuantiti jualan kenaf.

Paparan 17: Kuantiti Pengeluaran Tanaman Kenaf bagi Tiga Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia, 2023




3.6 KUANTITI DAN NILAI JUALAN TANAMAN KENAF

3.6.1 Malaysia

Tahun 2023 merekodkan kuantiti jualan kenaf adalah berjumlah 6,000.0 tan metrik dengan nilai jualan RM4,867,902.22. Sumbangan pegangan pertanian individu berjumlah 5,784.5 tan metrik dengan nilai jualan RM4,123,285.22, manakala pegangan pertanian pertubuhan pula berjumlah 215.5 tan metrik dengan nilai jualan RM744,617.00.

Paparan 18: Kuantiti dan Nilai Jualan Pegangan Pertanian Tanaman Kenaf, Malaysia, 2023



3.6.2 Negeri


Secara keseluruhan, Pahang merekodkan kuantiti jualan tertinggi dengan mencatatkan 4,707.5 tan metrik, diikuti Kelantan (286.5 tan metrik) dan Terengganu (286.4 tan metrik). Sumbangan kuantiti jualan di Pahang adalah 78.5 peratus daripada keseluruhan kuantiti jualan kenaf.

Paparan 19: Kuantiti Jualan Tanaman Kenaf bagi Lima Negeri Teratas, Malaysia, 2023



Trend yang sama juga bagi nilai jualan di mana Pahang merupakan penyumbang utama kepada nilai jualan dengan mencatatkan RM2,353,745.64, diikuti Perlis (RM1,538,792.90) dan Kedah (RM752,920.83). Sumbangan nilai jualan di Pahang adalah 48.3 peratus daripada keseluruhan nilai jualan kenaf.


Paparan 20: Nilai Jualan Tanaman Kenaf bagi Lima Negeri Teratas, Malaysia, 2023



3.6.3 Daerah Pentadbiran


Tiga daerah yang merekodkan kuantiti jualan teratas adalah Pekan, Pahang (4,632.2 tan metrik), Perak Tengah, Perak (154.8 tan metrik) dan Padang Terap, Kedah (148.4 tan metrik). Sumbangan kuantiti pengeluaran di Pekan, Pahang adalah 77.2 peratus daripada keseluruhan kuantiti jualan kenaf.

Paparan 21: Kuantiti Jualan Tanaman Kenaf bagi Tiga Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia, 2023



Tiga daerah yang merekodkan nilai jualan teratas adalah Pekan, Pahang (RM2,316,120.64), Kubang Pasu, Kedah (RM544,858.76) dan Padang Terap (RM152,396.71). Sumbangan nilai pengeluaran di Pekan, Pahang adalah 47.6 peratus daripada keseluruhan nilai jualan kenaf.

Paparan 22: Nilai Jualan Tanaman Kenaf bagi Tiga Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia, 2023



4.0 PERBANDINGAN LOKASI PEGANGAN PERTANIAN

Statistik tanaman kenaf pada tahun 2023 merekodkan 866 pegangan pertanian. Pegangan pertanian individu adalah penyumbang terbesar iaitu 862 orang dengan sumbangan 99.5 peratus manakala pertubuhan merekodkan sebanyak empat pertubuhan iaitu 0.5 peratus.



Paparan 23 menunjukkan perbandingan lokasi pegangan pertanian antara lokasi tempat kediaman/ pertubuhan dan ladang mengikut negeri dan pegangan pertanian individu serta pertubuhan. Pahang merupakan penyumbang tertinggi bagi kedua-dua lokasi iaitu 480 pegangan pertanian (478 individu dan dua pertubuhan) berdasarkan lokasi tempat kediaman/ pertubuhan, manakala 482 pegangan pertanian (480 individu dan 2 pertubuhan) adalah berdasarkan lokasi ladang.

Negeri yang merekodkan lokasi tempat kediaman/ pertubuhan dengan lokasi ladang yang sama adalah Kelantan, Melaka, Perak dan Terengganu.

Paparan 23: Perbandingan Lokasi Pegangan Pertanian Antara Lokasi Tempat Kediaman/ Pertubuhan dan Ladang, Malaysia, 2023

LOKASI TEMPAT KEDIAMAN/PERTUBUHAN	NEGERI								JUMLAH
	Johor	Kedah	Kelantan	Melaka	Pahang	Perak	Perlis	Terengganu	
Johor	1				2				3
Kedah		73 1					7		80 1 (81)
Kelantan			72						72
Melaka				4					4
Pahang					478 2				478 2 (480)
Perak						17			17
Perlis							82 1		82 1 (83)
Terengganu								126	126
JUMLAH	1	73 1 (74)	72	4	480 2 (482)	17	89 1 (90)	126	862 4 (866)

Lokasi Ladang

 Individu
 Pertubuhan

5.0 MENGENALI KENAF

5.1 PENANAMAN

Kenaf mampu tumbuh dalam pelbagai keadaan tanah sama ada tanah liat atau tanah peroi. Namun, tanah yang paling sesuai untuk pertumbuhan optimum pokok kenaf ialah tanah jenis peroi berpasir yang mempunyai saluran baik dengan kandungan humus yang tinggi dan berkemampuan tinggi untuk menyerap air (Webber & Bledsoe, 2002; Monti & Alexopoulou, 2013). LKTN (2022) mendapati suhu persekitaran yang sesuai untuk pokok kenaf pula adalah sekitar 25°C hingga 28°C dengan keperluan hujan tahunan sebanyak 240 hingga 490 milimeter (mm) dan taburan yang sekata semasa kitaran pertumbuhan selama empat hingga lima bulan. Zakaria et al. (2020) berpendapat pokok kenaf memerlukan tanah yang sedikit berasid dengan nilai pH 5.5 hingga 6.5 untuk pertumbuhan yang optimum.

5.1.1 Kesesuaian Tanah

Tanah yang bersifat peroi berpasir merupakan tanah yang paling sesuai untuk penanaman kenaf kerana ia menyediakan saluran dan pengudaraan yang baik bagi pertumbuhan akar serta penyerapan nutrien yang optimum (Monti & Alexopoulou, 2013; Webber & Bledsoe, 2002). Penyediaan tanah sebelum aktiviti menanam harus dilaksanakan bagi memastikan pertumbuhan tanaman lebih baik dan seragam. Sampel tanah yang telah dikenal pasti akan diambil untuk menentukan tahap kesuburan dan kandungan kimia tanah tersebut (LKTN, 2022). Selepas itu, kawasan tanaman dibersihkan daripada batu-batuan, tumbuhan renek, rumpai dan sebagainya. Kemudian, proses pembajakan dilakukan menggunakan bajak piring pada kedalaman 30 hingga 50 sentimeter (cm) terutama bagi tanah yang mempunyai kandungan tanah liat yang tinggi untuk memecahkan lapisan tanah keras agar meningkatkan saluran dan pengudaraan (Zakaria et al., 2020). Parit juga dibina di sekeliling tanah bagi membantu saluran yang lebih baik.

5.1.2 Penyediaan Bahan Tanaman

Biji benih kenaf yang berkualiti merupakan faktor penting yang menentukan penghasilan tanaman yang optimum terutamanya dalam menghasilkan batang kenaf yang seragam dari segi saiz dan ketinggian (Webber & Bledsoe, 2002; LKTN, 2022). Semasa penyimpanan, rawatan biji benih menggunakan racun kulat dapat mengekalkan kualiti

di samping penyimpanan yang lebih lama pada suhu yang sesuai. Biji benih kenaf ditanam pada kedalaman satu hingga dua cm dari permukaan dan anggaran kegunaan biji benih adalah pada kadar 20 kilogram (kg) sehektar (Zakaria et al., 2020). Biasanya, sebiji benih ditanam pada setiap lubang untuk memastikan pertumbuhan seragam dengan kadar percambahan yang melebihi 90 peratus. Pertumbuhan yang subur ini sangat penting untuk mencapai kepadatan pokok optimum dan menghasilkan biojisim yang tinggi.

5.1.3 Kepadatan Pokok

Hasil yang maksimum bergantung kepada kepadatan pokok dengan jarak yang sesuai antara baris dan ketersediaan bekalan air yang mencukupi. LKTN (2022); Webber dan Bledsoe, (2002) mencadangkan jarak penanaman yang disyorkan untuk memperoleh hasil maksimum ialah 30 cm antara baris dan lima cm jarak antara setiap pokok untuk memuatkan sebanyak 650,000 batang pokok sehektar. Monti dan Alexopoulou (2013) menyatakan kepadatan ini juga secara tidak langsung dapat mengawal rumpai dengan baik kerana pembentukan kanopi yang rapat dan bertaut dapat menutup permukaan tanah dan menyekat cahaya, sekaligus mengurangkan pertumbuhan rumpai selepas sebulan penanaman. Selain itu, jika kenaf ditanam di tanah yang subur seperti tanah aluvium dan dibekalkan nutrien serta air yang mencukupi, hasil biojisim boleh mencapai sehingga 15 tan metrik sehektar, menjadikannya salah satu tanaman fiber yang efisien dari segi pengeluaran per hektar (Zakaria et al., 2020).

5.1.4 Keperluan Air

Pokok kenaf memerlukan tujuh hingga 15 mm air setiap hari semasa fasa pertumbuhan puncak bagi memastikan pertumbuhan yang optimum (FAO, 2010; LKTN, 2022). Pengairan atau hujan yang mencukupi dan serata sepanjang musim penanaman dapat memaksimumkan hasil dan kualiti kenaf. Walaupun kenaf dapat tumbuh dalam keadaan kemarau, hasilnya berkemungkinan terjejas kerana kekurangan air (Webber & Bledsoe, 2002). Maka, pengairan tambahan seperti pemancut air (*sprinkler*) haruslah disediakan semasa musim kemarau yang berpanjangan bagi memastikan kelembapan tanah dan kualiti pokok kenaf terpelihara.

5.1.5 Pembajaan

Amaun baja yang diperlukan untuk penanaman kenaf bergantung kepada keadaan tanah dan keperluan nutrien. Kebiasaannya petani yang mahir dan berpengalaman dapat menentukan jenis dan amaun baja yang sesuai untuk digunakan kerana baja juga merupakan salah satu faktor utama bagi mendapatkan hasil kenaf yang optimum (Zakaria et al., 2020). Pembajaan pokok kenaf dilakukan sebanyak dua kali iaitu pusingan pertama semasa permulaan menanam pokok kenaf dan pusingan kedua setelah enam hingga lapan minggu pokok ditanam (LKTN, 2022). Menurut FAO (2010) penggunaan baja jenis NPK (Nitrogen, Fosforus, dan Kalium) amat disyorkan kerana ia merupakan baja yang larut perlahan dapat membantu memberikan nutrien secara berperingkat sepanjang musim pertumbuhan. Selain pembajaan, tanah juga perlu dipastikan pada kadar bacaan pH yang sesuai (Monti & Alexopoulou, 2013). Aktiviti pengapuran dilakukan satu hingga dua bulan sebelum aktiviti menanam bagi meningkatkan kadar pH tanah (sekiranya perlu).

5.2 PENUAIAN

Kenaf perlu dituai pada masa yang tepat kerana ia mempengaruhi jumlah hasil dan kualiti serat serta batang. Menurut FAO (2010), penuaian yang dilakukan terlalu awal ketika pokok masih belum matang akan mengakibatkan hasil serat yang rendah kerana kebanyakan serat masih lembut dan menyebabkan kehilangan serat semasa proses penuaian. Sebaliknya, jika pokok dibiarkan terlalu lama, kandungan *lignin* yang tinggi dalam serat akan menjadikannya kasar dan kurang lentur, walaupun hasil tuaian banyak (Monti & Alexopoulou, 2013).

Waktu terbaik untuk menuai kenaf adalah pada hari ke-20 selepas 100 peratus pokok kenaf berbunga. Tempoh penanaman sehingga penuaian kenaf adalah antara 120 hingga 150 hari bergantung kepada keperluan pengeluaran produk (LKTN, 2022). Kaedah penuaian kenaf bergantung pada tujuan penggunaannya. Webber dan Bledsoe (2002) mencadangkan penuaian dapat dilaksanakan awal sebelum mencapai 120 hari jika serat yang lebih lembut diperlukan. Kenaf biasanya dituai secara manual atau menggunakan mesin penebang bagi menghasilkan serat panjang yang bermutu tinggi.

Kaedah penuaian yang salah juga menjadi salah satu penyebab kerugian hasil kenaf. Kecuaian penuaian seperti menaikkan mesin penuai melebihi 36 cm dari permukaan tanah boleh menyebabkan kehilangan hasil batang sehingga 20 peratus (Zakaria et al., 2020).

Paparan 24: Bandela kenaf



Selain itu, serat kenaf pada bahagian luar batang (*bast fibre*) akan hilang dalam jumlah yang banyak jika batang dibiarkan terlalu lama di ladang selepas dituai. Keadaan ini berlaku kerana pendedahan kepada kelembapan, hujan dan serangan mikroorganisma yang mempercepatkan proses pereputan serat (Monti & Alexopoulou, 2013). Kehilangan hasil menjadi lebih ketara apabila batang kenaf dibiarkan jatuh ke tanah semasa proses menuai, seperti ketika memungut atau membentuk bandela. Oleh itu, pengurusan tuaian yang cekap adalah penting bagi memastikan mutu dan kuantiti serat kenaf tidak terjejas (Webber & Bledsoe, 2002).

5.2.1 Penuaian Serat Panjang

Serat panjang dituai secara manual atau menggunakan mesin seperti mesin pemotong rumput. Batang kenaf yang telah dipotong akan dipungut dengan menggunakan mesin dekortikasi kenaf. Hasil serat dipisahkan di antara serat luar (*bast*) dan dalam (*core*). Serat dalam akan dihancurkan menjadi serbuk dan dibungkus. Manakala, serat luar akan menjalani proses *retting* di mana serat luar akan diikat dan direndam di dalam tangki sehingga semua serat terpisah (Webber & Bledsoe, 2002). Seterusnya, serat yang telah terpisah akan dibersihkan dan dijemur kering sebelum dibundelkan.

Proses *retting* menghasilkan serat panjang berwarna putih dan bersih yang bermutu tinggi. Proses ini mengambil masa lebih kurang 15 hingga 22 hari bergantung kepada umur pokok kenaf yang dituai serta suhu dan jenis air yang digunakan (Monti & Alexopoulou, 2013). Air kolam atau sungai di kawasan tropika merupakan medium yang paling sesuai untuk proses *retting* kerana suhu yang panas dan kandungan bakteria semula jadi mampu menguraikan *lignin* dan hemiselulosa.

Namun begitu, Paridah et al. (2011) menyatakan *retting* yang terlalu lama boleh menyebabkan serat menjadi lemah, manakala *retting* yang terlalu singkat menghasilkan serat yang kasar dan kusut. Selepas kenaf dikeringkan, kandungan air di dalam serat hendaklah di antara 12 hingga 17 peratus bagi memastikan kualiti serat yang stabil dan sesuai untuk pemprosesan selanjutnya.

Paparan 25: Serat kenaf



5.2.2 Penuaian Serat Sederhana Panjang

Serat kenaf sederhana panjang dihasilkan melalui penuaian batang kenaf menggunakan penuai foraj. Foraj kenaf yang telah dituai kemudiannya dijemur untuk pengeringan atau dibiarkan kering secara semula jadi melalui pengudaraan. Dengan menggunakan mesin khas (mesin dekortikasi), serat luar dibersihkan daripada serat dalam dan dibundelkan. Serat dalam akan dihancurkan menjadi serbuk dan dibungkus (Zhang et al., 2020; Webber & Bledsoe, 2002).

Paparan 26: Serat luar kenaf



5.2.3 Penuaian untuk Makanan Ternakan

Batang kenaf dituai pada usia enam hingga lapan minggu menggunakan penuai foraj. Terdapat dua jenis makanan ternakan yang dihasilkan daripada kenaf iaitu makanan yang perlu dikeringkan dan makanan yang diproses secara basah. Batang yang telah dikeringkan dan dipotong akan diproses menjadi pelet, kiub atau *compressed alfalfa feed* (CAF). Sementara itu, untuk menghasilkan silaj, batang kenaf yang telah dipotong akan dimasukkan ke dalam tong dan dipadatkan (Abdullah et al., 2016; Mahayuddin et al., 2019). Proses ini membolehkan kandungan nutrien dalam batang kenaf dapat bertahan untuk tempoh simpanan yang lebih lama serta menjadikan kenaf sebagai alternatif makanan ternakan yang berkualiti tinggi.

Paparan 27: Pelet



Paparan 28: Kiub



5.3 RUMPAI DAN PEROSAK

5.3.1 Kawalan Rumpai

Rumpai yang tumbuh meliar di tanah akan menjadi pesaing dengan tanaman bagi mendapatkan ruang, air, cahaya dan nutrien. Untuk memaksimumkan pengeluaran hasil kenaf, kawalan rumpai perlu dilakukan pada peringkat awal penanaman pokok supaya tiada persaingan antara pokok dengan rumpai bagi menggalakkan pertumbuhan pokok dengan baik. Aktiviti kawalan rumpai boleh dilakukan awal semasa penyediaan tanah iaitu tiga minggu sebelum penaburan biji benih dengan menggunakan racun sistemik. Namun, Mohd Yusof et al. (2015) berpendapat jika petani menggunakan racun rumpai jenis pracambah, racun hendaklah disembur sejeurus selepas penaburan biji benih bagi mengelakkan persaingan dengan tanaman.

Jika perlu, racun rumpai sistemik juga boleh disembur dalam masa sebulan selepas pokok kenaf ditanam bagi memberikan masa secukupnya untuk pertumbuhan tampang sebelum pokok mengeluarkan bunga. Menurut MARDI, (2018), rumpai yang tidak dikawal dan berlebihan akan menyebabkan kehilangan hasil kenaf sehingga 85 peratus kerana persaingan yang berlaku terhadap ruang untuk pokok membesar dan kesuburan tanah yang terjejas.

5.3.2 Perosak

Pokok kenaf selalunya diserang oleh serangga kerana ia mengeluarkan nektar yang banyak dan menjadi tarikan kepada serangga perosak. Pada awal musim, jika serangan serangga perosak tidak banyak, racun tidak diperlukan. Antara serangga perosak kenaf ialah kumbang sepit, kumbang Jepun, ulat ratus, afid, kutu trip dan larva *anomis flava* serta *dysdercus cingulatus*. Namun, serangga ini boleh dikawal menggunakan racun perosak seperti *confidor* atau *decis*, mengikut kadar yang ditetapkan oleh pengeluar (LKTN, 2019). Selain itu, kenaf juga merupakan perumah bagi cacing *nematoda*. Serangan cacing ini menjejaskan kualiti hasil kenaf kerana ia menyerang akar kenaf dan menyebabkan pertumbuhan kenaf terencat sehingga pokok tumbang atau mati. MARDI (2020) menyatakan bagi mengawal cacing *nematoda* ini, racun *furadan 3G* digunakan dengan kadar yang ditetapkan.

5.4 RUJUKAN

- Abdullah, N., Zainal, Z. A., & Ghazali, A. (2016). Utilization of kenaf (*Hibiscus cannabinus*) in animal feed: A review. *Malaysian Journal of Animal Science*, 19(2), 1–12.
